

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Monday, August 14, 2017 9:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAZKIRAH MINGGU INI



Pusat Islam
ISLAMIC CENTRE
Universiti Utara Malaysia



14 Ogos 2017/ 21 Zulkaedah 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato' / Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

Kehidupan Orang Yang Beriman

Sabda Rasulullah S.A.W. yang maksudnya: Gambaran kehidupan orang yang beriman dari segi kasih sayang , saling bersimpati dan saling cinta mencintai samalah seperti anggota tubuh yang jika salah satu daripadanya mengadu kesakitan, ia melibatkan seluruh anggota lain yang tidak tidur malam dan demam. (Riwayat Ahmad dan Muslim)

Huraian Hadith:

- 1) Kerjasama adalah kunci kejayaan dalam segala aspek kehidupan. Ia boleh mewujudkan suasana yang harmoni dan stabil kerana daripada kerjasama akan menerbitkan kemesraan berkomunikasi, kasih sayang serta saling membantu di antara satu sama lain. Bak kata pepatah cubit paha kiri, paha kanan terasa sakit.
- 2) Makhluk Allah adalah saling perlu memerlukan di antara satu sama lain, dimana manusia tidak dapat hidup dengan sempurna tanpa manusia yang lain dan alam persekitarannya. Oleh kerana itu tidak perlulah kita sombong dan takbur dengan sedikit kelebihan yang ada pada kita.
- 3) Kejayaan Rasulullah S.A.W. melahirkan masyarakat yang berkasih sayang dapat dijadikan contoh yang paling baik bagi mewujudkan suasana bekerjasama dalam masyarakat masa kini. Ia berpunca daripada sikap dan suasana positif yang dibentuk oleh Rasulullah menerusi dakwahnya yang berjalan secara berterusan hingga ke akhir hayatnya.

Wallahua'lam

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madiah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

**PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH**

Tel: 04-9282560/2569

Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.